

DATE: 3/12/2010

Walaupun rakyat semakin yakin terhadap parti pemerintah

PRU13 ujian sebenar BN

UM 3.12.2010

**RAMLI
ABDUL KARIM**
melaporkan
dari Kemboja



PHNOM PENH 2 Dis. – Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) adalah ujian sebenar kepada kredibiliti Barisan Nasional (BN) walaupun terdapat tanda-tanda awal bahawa rakyat semakin yakin dengan parti itu selepas kerajaan dilihat komited menunaikan janji-janjinya dalam pilihan raya lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ketika pilihan raya itu nanti rakyat akan membuat penentuan akhir sama ada BN telah berjaya memenuhi harapan dan kehendak mereka atau sebaliknya.

Menurutnya, PRU13 juga akan menggambarkan penerimaan sebenar terhadap segala usaha BN untuk menarik semula sokongan rakyat iaitu menerusi pelbagai inisiatif dan juga transformasi dalam kerajaan serta parti.

“Dalam tempoh 18 bulan (selepas PRU12), parti perikatan pemerintah (BN) telah melakukan transformasi signifikan dan 13 parti komponen



NAJIB Tun Razak (kiri) dan Rosmah Mansor bergambar dengan Hun Sen pada Persidangan Antarabangsa Parti-Parti Politik Asia Ke-6 di Phnom Penh, semalam. - BERNAMA

pula melaksanakan langkah-langkah terbaik dalam membawa perubahan serta memenangi semula perhatian rakyat.

“Petunjuk awal adalah rakyat telah memberi respons yang positif dan mula kembali memberi kepercayaan kepada BN. Kredibiliti

BN semakin kukuh pada mata rakyat apabila kita menunaikan janji-janji pilihan raya dan komitmen ditunjukkan,” katanya.

Beliau menyampaikan ucap-tama pada Perhimpunan Agung Persidangan Antarabangsa Parti-Parti Politik Asia (ICAPP) Keenam di sini

hari ini.

Dalam sidang akhbar kemudiannya, ketika diminta mengulas mengenai pilihan raya umum akan datang berikutan petunjuk awal tersebut, Najib menjelaskan:

“Itu bukan petanda awal, tapi ia (pilihan raya umum) boleh jadi

awal, boleh jadi lewat... biasalah.

“Penentuan akhir apabila sampai masanya, boleh jadi cepat, boleh jadi lambat.”

Tambah beliau, perkembangan positif mengenai petunjuk awal itu bagaimanapun tidak meletakkan BN untuk berasa lega dan dalam keadaan selesa, sebaliknya perlu bekerja lebih keras.

Dalam pada itu, ketika berkongsi pengalaman dengan lebih 300 peserta persidangan itu dari 51 negara Asia dan Oceania, Najib mengimbas langkah-langkah BN untuk bangkit selepas PRU12 pada 2008.

Menurutnya, antara yang dilakukan BN ialah memperkenalkan gagasan 1 Malaysia dengan menjadikan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan sebagai falsafah pentadbiran negara.

Tambahnya, inisiatif lain adalah pelancaran Klinik 1Malaysia yang menyediakan bantuan perubatan percuma kepada orang ramai dan biasiswa 1Malaysia untuk pelajar cemerlang tanpa mengira agama dan kaum.

“Kita juga secara agresif melancarkan pelbagai skim dan program bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat berpendapatan rendah dan membasmi kemiskinan di seluruh negara,” katanya. - UTUSAN